

## **NIAT MEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN DI KALANGAN KONTRAKTOR PULAU PINANG: SATU KAJIAN RINTIS**

**Ahmad Radzuan Ghazali**

Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang;

**E-mel:** [aradzuan@yahoo.com](mailto:aradzuan@yahoo.com); **Tel:** 013504400; **Faks:** 04-6562477

**Tahap Pengajian:** Sarjana, Universiti Sains Malaysia

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan perhubungan antara niat membayar zakat perniagaan dengan pemboleh ubah sikap terhadap perlakuan, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dilihat di kalangan kontraktor Pulau Pinang berasaskan Teori Perlakuan Terancang (*Theory of Planned Behavior*). Pemboleh ubah sikap terhadap perlakuan dibahagi kepada sikap terhadap keberkesanan pejabat zakat, sikap terhadap pembayaran zakat, sikap terhadap penguatkuasaan, sikap terhadap insentif cukai pendapatan dan sikap terhadap penggunaan borang nyata zakat. Kajian ini membahagi pemboleh ubah norma subjektif kepada dua dimensi iaitu kepercayaan normatif dan motivasi untuk mematuhi dan membahagi pemboleh ubah kawalan tingkah laku dilihat kepada kepercayaan kawalan akan diukur berdasarkan kekuatan kepercayaan kawalan dan kuasa kepercayaan kawalan seseorang kontraktor untuk membayar zakat. Memandangkan jumlah responden yang diterima hanya 18 orang, analisis statistik yang sesuai digunakan hanya analisis deskriptif yang merangkumi analisis kekerapan, analisis kecenderungan, analisis penyebaran dan analisis silang. Secara umumnya, penemuan kajian menunjukkan hasil kajian adalah positif, merangkumi semua komponen pemboleh ubah norma subjektif dan kawalan tingkah laku dilihat, empat dimensi dari lima dimensi dalam komponen pemboleh ubah sikap terhadap perlakuan. Terdapat dua dimensi kajian yang menunjukkan hasil yang negatif iaitu sikap terhadap penguatkuasaan zakat perniagaan dan niat untuk membayar zakat dengan tekanan atau alasan.